

15/12/1998

Asean tangguh kemasukan Kemboja

Jamhariah Jaafar in Hanoi

HANOI, Selasa - Ketua-ketua Negara Asean menanggukkan kemasukan Kemboja sebagai anggota ke-10 gagasan itu, sekali gus melenyapkan impian negara berkenaan untuk menyertai segera Asean.

Menteri Luar Thailand, Surin Pitsuwan, berkata ketua-ketua negara Asean yang membincangkan perkara itu malam ini, sebaliknya bersetuju menerima Kemboja pada satu tarikh khas yang akan diumumkan esok oleh Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai, selaku pengerusi Sidang Kemuncak Asean ke-6.

"Mereka sudah mencapai kata sepakat dan pengerusi Asean akan mengumumkannya esok," katanya.

Mengulas perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata: "Kami semua bersetuju Vietnam (sebagai negara tuan rumah) akan membuat pengumuman esok.

"Tidak ada perbezaan, jadi saya tidak dapat membuat pengumuman itu sendiri.

"Terdapat beberapa konsensus (mengenai kemasukan Kemboja), dan terdapat beberapa variasi. Saya tidak boleh menyatakan apakah ia, anda kena tanya kepada Vietnam."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas kembali dari majlis makan tidak rasmi ketua-ketua negara Asean.

Terdahulu, Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen, meminta Dr Mahathir mendesak tiga negara yang keberatan untuk menerima kemasukan negara itu ke dalam Asean, supaya mengubah pendirian mereka.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Perdana Menteri sudah pasti akan menyatakan pendirian Malaysia, tiada alasan untuk tidak menerima Kemboja di Sidang Kemuncak yang akan bermula esok.

"Dr Mahathir sudah pasti akan menjelaskan pendirian Malaysia bahawa Kemboja perlu diterima masuk sebagai anggota Asean di Sidang Kemuncak ini.

"Yang pentingnya ialah Kemboja sudah ada kerajaan yang efektif dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sudahpun menyerahkan semula kerusi negara itu.

"Jadi eloklah kita iktiraf, kita juga akan menambah satu lagi kekuatan. Selain itu saya tidak nampak apakah Asean akan rugi jika Kemboja menyertai Asean sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Dr Mahathir mengadakan pertemuan dua hala dengan Hun Sen dan membuat kunjungan rasmi kepada rakan sejawatnya dari Vietnam.

Sebelum ini, Menteri-menteri Luar Asean juga gagal mencapai kata sepakat dalam isu penerimaan segera Kemboja apabila tiga negara iaitu Singapura, Thailand dan Filipina, bertegas supaya penyertaan untuk melengkapkan Asean10 itu ditangguh.

Berikutan itu, mereka menyerahkan usaha untuk mencapai keputusan muktamad kepada ketua-ketua negara yang membincangkan isu itu pada majlis makan malam tidak rasmi, malam ini.

Abdullah berkata, Hun Sen menjelaskan bahawa tidak ada masalah dalam penubuhan Senat, satu daripada alasan mengapa ada ketua-ketua negara meminta penyertaan Kemboja ditangguh.

"Hun Sen berharap ia tidak dijadikan alasan, Kita juga menganggap perkara itu adalah hal dalaman negara itu.

"Adalah tidak wajar untuk menunggu Kemboja melaksanakan semua itu, kerana ini adalah perkara dalaman, iaitu bagaimana dia hendak menguruskan

hal pentadbiran dan pemerintahan negaranya," katanya.

Di samping itu Abdullah berkata, dalam perbincangan Dr Mahathir dan Van Khai, mereka menekankan betapa perlunya Asean bersatu padu dalam usaha-usaha ke arah pemulihan ekonomi rantau ini.

"Mereka berpendapat adalah baik jika ditekankan betapa perlunya Asean ketika ini bersatu padu dan mampu untuk memikirkan apa yang baik untuk rantau dan berbincang mengenai perkara yang dianggap wajar untuk memaju dan menstabilkan kawasan ini," katanya.

(END)